




UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA



info kampus

UiTM Sarawak

Jln Meranek, 94300 Kota Samarahan, Peti Surat 1258, Kuching, Sarawak. Tel: 082-677200 Telefax: 082-677300 - website: www.sarawak.uitm.edu.my

Isu 56

15hb Mei 2007



Tahniah! kepada En Abdul Jalil Lob atas perlantikan beliau sebagai Timb Pengarah HEP dan ribuan terima kasih kepada Prof Madya Dr Haji Abang Ahmad Ridzuan Abang Awit atas segala sumbangan beliau.

Inter-Program Debate Tournament 2007

Prof. Madya Dr. Simon Botley

UiTM Sarawak's finest debaters turned out recently to compete in a bombastic battle of subtle rebuttals and a titanic struggle of wit and logic - otherwise known as the Inter-Programme Debate Tournament 2007.

The competition was divided into English and Bahasa Melayu categories and took place over three days between 30th March and 1st April. Organised by the Debate Club, the contest was hard-fought by experienced debaters and novices alike, and it is hoped that new debaters and future UiTM champions will emerge from this tournament.

The winners and best debaters were, as follows:

English:

- Winners: BACC team - Anjali Halimah, Sharifah Milda Amirul, Jacqueline Jelandai and NorAsyura
- Runners-up: DCE team - Afiq B. Abu Bakar, Mohd. Syafiq Bin Bahtiar, Nor Afiqah and Mohd. Anif
- Best Debater: Afiq B. Abu Bakar ("Don")

Bahasa Melayu:

- Johan: Kumpulan Perubahan 2 (DQS) - Shanaa Amirah Bt. Mohd. Abu Bakar, Nik Mohd Kushairi bin Mohd. Khair, Aiza Azwin Bt. Othman and Mohd. Khairul Asyraff.
- Naib-Johan: "MEDIA" team - you know who you are!!
- Pendebat Yang Terbaik: Aiza Azwin Bt. Othman (DQS)

Well done and syabas to all who took part in the debate! Even those who did not win are still winners, because they took part and tried hard! See you all at the next debate tournament!

Lawatan Ke Agricultural Research Centre

Aizimah Abu Samah

SFROST UiTM Sarawak telah mengadakan satu lawatan ke Agricultural Research Centre (ARC) pada 23 Mac 2007 bertempat di Sarawak Agricultural Research Centre. Lawatan tersebut terdiri daripada 35 orang pelajar daripada Pra-Sains, Diploma Sains dan Diploma Sains Perladangan. Program lawatan ini telah dianjurkan oleh pelajar DIS Bahagian 1 manakala penasihat projek untuk program ini ialah Cik Rabuyah Ni.

Objektif lawatan ini ialah memperkenalkan peralatan-peralatan analisis serta kegunaannya kepada para peserta. Selain itu, ia juga bertujuan untuk mendedahkan para peserta dengan persekitaran alam pekerjaan serta peluang pekerjaan di Agricultural Research Centre itu sendiri. Antara objektif lain ialah mempertingkatkan dan memperluaskan lagi pengetahuan terutamanya dalam bidang Sains dan Teknologi.

Pada hari tersebut, para peserta bertolak dari kampus UiTM Samarahan pada pukul 2.30 petang. Sejurus tiba di ARC, peserta-peserta UiTM telah diberikan taklimat ringkas oleh pegawai ARC sebelum sesi soal jawab. Peserta seterusnya telah dibawa melawat ke dalam makmal-makmal di ARC. Akhir sekali, majlis penyampaian hadiah dan cenderahati telah diadakan oleh pihak ARC kepada para peserta UiTM sebelum mereka bertolak pulang ke kampus Samarahan.

Apresiasi dan Aspirasi Persatuan Science Frontiers '07

Aizimah Abu Samah

Persatuan Science Frontiers (SFROST) di bawah naungan Program Diploma Sains telah mengadakan Majlis Apresiasi dan Aspirasi Persatuan Science Frontiers 2007 untuk pelajar-pelajar Program Diploma Sains pada 13 April 2007 bertempat di Auditorium 1.

Objektif majlis ini adalah bertujuan menghargai Pelajar-pelajar Part 6, Penerima Anugerah Dekan dan AJK-AJK Projek yang bertungkus-lumus sepanjang Semester Januari hingga April 2007 di samping memberi dorongan dan semangat kepada pelajar-pelajar DIS yang lain. Selain itu, majlis ini juga menghargai usaha dan sumbangan tenaga pensyarah-pensyarah yang terlibat dalam projek-projek SFROST dan pensyarah-pensyarah sokongan lain yang banyak membantu.

Majlis bermula dengan ucapan alu-aluan dan motivasi oleh Dr. Dayang Maryani Awang Hashim selaku Ketua Program Diploma Sains seterusnya majlis menjemput Profesor Madya. Dr. Fatimah Haji Bujang selaku Timbalan Pengarah HEA untuk memberi sepatah dua kata. Antara aturcara pada hari tersebut ialah Tayangan Multimedia dan Penyampaian cenderahati kepada AJK-AJK setiap aktiviti seperti SFROST Camp, Pertandingan Debat Alam Sekitar dan Teknologi Ala Parlimen dan Lawatan Sambil Belajar. Kemudiannya, majlis diteruskan dengan Penyampaian Hadiah untuk Tempat Ke-3, Tempat Ke-4 dan Pendebat Terbaik dalam Pertandingan Debat Alam Sekitar dan Teknologi 2007. Penyampaian Cenderahati kepada Pelajar yang mendapat Anugerah Dekan, Pelajar Terbaik untuk Pra-Sains dan Pelajar Semester 6 pula telah menyusul selepas itu. Seterusnya, majlis menjemput wakil Semester 6 untuk menyampaikan ucapan dan harapan beliau dan Pelajar Semester 6 yang lain. Majlis berakhir dengan jamuan dan bersurai.



Memetik dari Amanat Tahun Baru 2007: *Kemampuan Kepimpinan Strategik dalam Memperkasakan Kecemerlangan Akademik* (Ibrahim Abu Shah, 2007: 1-2), kita boleh mengetahui bahawa amanat Naib Canselor kita, Yang Bahagia Dato' Seri Dr. Ibrahim Abu Shah ini telah "... disampaikan dalam konteks imbasan pencapaian tahun lepas, cabaran semasa, dan fokus tahun baru." menerusi "... tema-tema terpilih". Tema Amanat pada kali

ini, *Kemampuan Kepimpinan Strategik dalam Memperkasakan Kecemerlangan Akademik* adalah bersesuaian dengan keperluan dan kehendak dalam kampus kita di Samarahan ini. Beliau juga ada menyebut bahawa satu faktor yang penting ialah kekuatan

Amanat Naib Canselor

minda kepimpinan sama ada di universiti mahupun negara. Tambah beliau lagi, untuk memastikan kecemerlangan universiti ini diperkasakan, "...kepimpinan peringkat dalaman tanpa mengira aras perlu bersifat strategik bukan sahaja dari aspek pemikirannya malah juga dari aspek amalan dan tingkahlakunya. Selain itu, beliau turut menegaskan bahawa keperluan untuk "...peka dengan keadaan persekitaran, cabaran dan peluang yang wujud".

Untuk tahun 2007 ini, beliau juga mengatakan bahawa "...kecemerlangan akan mengambilkira aspek kualiti hasil, baik graduat, penyelidikan, inovasi mahupun penerbitan, perundingan ataupun hasil aktiviti pelajar untuk penyediaan ke arah aspek penarafan dalam tempoh terdekat" (Ibrahim Abu Shah, 2007:2). Antara perkara-perkara utama yang menjadi intipati dalam Amanat Naib Canselor ialah:

1. Lima Puluh Tahun Pertama UiTM dan Pencapaiannya
2. Definisi Kepimpinan Strategik dan Kecemerlangan Akademik
3. Manifestasi Pencapaian UiTM dalam Tahun 2006

4. Pembangunan Program
5. Program yang mendapat Pengiktirafan Profesional (sehingga 2006)
6. Penyelidikan / Inovasi dan Penerbitan
7. Pemantapan Kualiti Pengurusan Universiti
8. Lulusan Mengikut Peringkat (2006)
9. Kebolehkkerjaan Graduat
10. Kepuasan Hati Graduat terhadap Sistem UiTM Keseluruhan
11. Sasaran Enrolmen 200, 000 dan Pengambilan Pelajar Baru (2006)
12. Perhubungan Industri / Antarabangsa
13. Pencapaian Aktiviti Pelajar
14. Modal Insan Universiti
15. Governans Universiti
16. Saiz fizikal dan Enrolmen
17. Cabaran-Cabaran yang perlu ditangani:

Isu-isu Tertanggung yang perlu diselesaikan segera;

- i. Penterjemahan Shared Vision yang menyeluruh
- ii. Semakan Kurikulum
- iii. Pelaksanaan Konsep Gugusan
- iv. Pelaksanaan Program Double Major, Major Minor
- v. Pelaksanaan Bahasa Inggeris
- vi. Pelaksanaan Program Keusahawanan (Entrepreneurship)
- vii. Pelaksanaan Polisi Universiti seperti Polisi Akademik, ATA dan Dasar Pengurusan
- viii. Penyelidikan & Inovasi
- ix. Dasar penubuhan Pusat Kecemerlangan
- x. Profesor Kontrak
- xi. Pemantapan Sistem Pengurusan
- xii. Jaminan Kualiti Akademik menerusi MQF
- xiii. Pelaksanaan Latihan Praktik
- xiv. Pelaksanaan E-Learning
- xv. Pelaksanaan Latihan Kepimpinan
- xvi. Perolehan dan Penggunaan Kemudahan ICT
- xvii. Penyampaian Perkhidmatan
- xviii. Sumber Manusia
- xix. Penghayatan dan Pelaksanaan Dasar Q-Q 5E dan Hadhari Scorecard

Isu-isu yang berpotensi menjadi halangan;

- i. Penarafan dalam Konteks Kedudukan Global
- ii. Pembangunan Bidang
- iii. Mengenalpasti konflik antara isu sebagai asas inovasi kepimpinan untuk kecemerlangan
- iv. Mekanisme Penyelesaian

Dalam amanat tersebut, Yang Bahagia Dato' Seri Dr Ibrahim Abu Shah juga berpesan kepada "...semua lapisan warga UiTM sama ada staf akademik dari professor hingga kepada pensyarah muda, staf pentadbiran dari golongan pengurusan/professional hingga kepada pembantu am serta tukang dan pelajar dari sarjana PhD hingga diploma haruslah menanam dalam diri kita semangat jati diri untuk terus membawa UiTM ke tahap yang lebih tinggi dengan kerjasama padu" (2007:39). Beliau juga turut menasihatkan kita agar lebih mengutamakan "...kesejahteraan dan kesederhanaan bersama dengan meninggalkan amalan-amalan buruk kepimpinan seperti merancang untuk gagal, menabur fitnah untuk kepentingan sendiri, mengenyepikan yang hak, dan mengaburi pihak yang lebih atas dengan maklumat-maklumat palsu" (2007: 39).